

# Tengkujuh: Bekalan makanan dijamin cukup

**PUTRAJAYA 10 Nov.** - Bekalan makanan termasuk hasil pertanian dijamin mencukupi walaupun negara berkemungkinan berhadapan musim tengkujuh pada hujung tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Nogeh Gumbek berkata, pihaknya telah melakukan persiapan lebih awal bagi memastikan bekalan makanan tidak terjejas ekoran bencana alam yang sering terjadi ketika musim tengkujuh.

“Berdasarkan pengalaman banjir besar yang berlaku pada 2014, kementerian telah melaksanakan beberapa langkah awal agar sumber makanan di seluruh negara berkekalan.

“Soal ini termasuklah memindahkan haiwan ternakan ke tempat lebih selamat sekiranya kawasan dinaiki air dan menyediakan pusat makanan khusus untuk mangsa-mangsa banjir,” katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Inovasi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar.

Sementara itu, Nogeh mendedahkan pengeluaran makanan negara ini dijangka terjejas akibat berlakunya fenomena pembersihan dan perubahan iklim yang dilihat memberi kesan kepada hasil pertanian dan penternakan.